

# RM108 juta banteras jenayah

Usaha kerajaan pastikan Malaysia menjadi antara negara paling selamat di dunia



mengurangkan jenayah, menyokong usaha mencegah jenayah selain merancang dan menjalankan program pembangunan keupayaan," katanya lagi.

PBT juga diarah memastikan SCP menjadi agenda wajib yang dibincangkan pada mesyuarat bulanan dan keputusan serta kemajuan setiap langkah yang diambil perlu dimaklumkan kepada Kementerian secara berkala.

"Kunci utama pencegahan jenayah adalah kewujudan hubungan kukuh dan berkesan antara pihak berkuasa tempatan dan pihak lain, termasuk orang awam, kerana ikatan ini akan membantu membanteras keganasan, jenayah dan ancaman," menurut Kamalruddin yang juga penyelarass NKRA SCP.

Antara usaha yang telah dijalankan bagi membanteras jenayah di bawah GTP adalah pengasingan laluan pejalan kaki menggunakan pagar, memperbaiki keadaan lampu jalan, pemasangan cermin, penggera keselamatan, pemetaan jenayah menggunakan sistem maklumat

*"Ini membuktikan kerajaan benar-benar serius dalam memastikan bandar-bandar di seluruh negara adalah selamat dan bebas daripada ancaman fizikal, sosial dan mental,"*

**- Kamalruddin Shamsudin**

persekitaran kerjasama antara pelbagai agensi yang sama-sama berusaha untuk mengurangkan kadar jenayah menerusi perkongsian maklumat dan pemantauan dalam dunia digital hari ini dan ia dijalankan dengan usaha sama PDRM.

Sistem SCMS membenarkan pemantauan keberkesanan pelaksanaan langkah pencegahan jenayah di bandar yang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa tempatan di setiap bandar.

SCMS juga membolehkan 'kawasan panas' yang mempunyai kadar jenayah tinggi dikenal pasti dan dipantau selain membantu pihak polis

mereka menjalankan kajian, mengumpul dan menyelarass maklumat tetapi hanya sedikit masa diluahkan untuk menganalisis data itu sendiri.

"Kami berharap kitaran ini dapat diubah bagi membolehkan penganalisis meluahkan lebih masa menjalankan analisa dan menyelesaikan masalah menggunakan teknologi hari ini," katanya.

Sistem SCMS telah mula beroperasi di 42 balai polis di kawasan panas sejak 1 Januari lalu.

Pelaksanaan program bandar selamat pada tahun ini pula dijalankan dengan lebih tepat dan cepat berdasarkan maklumat yang diperoleh SCMS mengenai kawasan yang perlu diberi perhatian dan langkah pencegahan yang sesuai.

"Kerajaan berharap orang ramai tidak lagi menganggap usaha bandar selamat ini hanya dilaksanakan bagi sesebuah kawasan atau segelintir komuniti sahaja," katanya.

**Penggunaan internet bantu cegah jenayah**

## 12 majlis perbandaran yang terlibat

1. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
2. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
3. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
4. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
5. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
6. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
7. Majlis Perbandaran Klang (MPK)
8. Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)
9. Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)
10. Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)
11. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)
12. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)

PUTRAJAYA - Walaupun selepas melihat penurunan dalam jumlah jenayah jalanan dan indeks jenayah keseluruhan sehingga 35 peratus dan 15 peratus masing-masing, kerajaan tetap meneruskan usaha untuk memastikan inisiatif pencegahan jenayah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP) sentiasa berada di landasan yang dikehendaki.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, kerajaan memperuntukkan RM36 juta tahun lalu kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menghidupkan semula dan

mengembangkan Program Bandar Selamat (SCP) menerusi 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara bagi membantu mengurangkan jenayah jalanan.

Sementara itu, peruntukan asing sebanyak RM72 juta turut disediakan untuk 151 majlis perbandaran di seluruh negara bagi tahun ini.

"Ini membuktikan kerajaan benar-benar serius dalam memastikan bandar-bandar di seluruh negara adalah selamat dan bebas daripada ancaman fizikal, sosial dan mental," menurut Kamalruddin Shamsudin, timbalan pengarah (perancangan) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

Program SCP yang diperkenalkan pada 2004 dikenal pasti sebagai salah satu pemangkin penting dalam pencegahan jenayah jalanan yang menumpu kepada masalah keselamatan di bandar dan menggalakkan budaya pencegahan jenayah," katanya.

"Antara strategi PBT termasuk meningkatkan keupayaan untuk

geografi (GIS) dan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) selain rondaan kerap dan pemantauan di kawasan kerap berlaku jenayah oleh PDRM.

## Negara pertama guna sistem canggih

**ANTARA** aspek terpenting dalam pencegahan jenayah di bawah GTP adalah penggunaan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SCMS) yang menyepadukan maklumat jenayah daripada sistem laporan polis (PRS) dengan maklumat yang dikumpul oleh SCP serta maklumat penggunaan tanah yang berada di bawah tanggungjawab KPKT.

"Malaysia berada setapak di hadapan dengan penggunaan sistem SCMS yang tidak pernah dicuba di mana-mana negara sebelum ini sementara negara luar hanya baru mula menggunakan sistem pemetaan jenayah berdasarkan GIS," katanya.

"Matlamat utama penggunaan SCMS di Malaysia adalah untuk mewujudkan

dan orang awam melaporkan jenayah secara dalam talian.

"Menggunakan GIS, sistem SCMS membantu menterjemah maklumat jenayah ke dalam bentuk peta digital, menggantikan cara lama yang menggunakan peta manual, menyebabkan maklumat tidak dapat disimpan bagi tempoh yang panjang.

Kesepaduan SCMS-PRS adalah sesuatu yang sangat bernilai bagi pihak polis kerana ia bukan sahaja membantu mereka mengenalpasti kawasan yang mempunyai kadar jenayah tinggi tetapi juga kajian mengenai punca dan corak jenayah dapat dijalankan.

Maklumat seperti itu adalah berguna kepada polis bagi memantau kejadian jenayah selain merancang penghantaran anggotanya secara lebih berkesan.

Penggunaan sistem canggih ini bakal mengubah cara agensi penguat kuasa undang-undang melihat kepada maklumat jenayah.

Contohnya, penganalisis jenayah sebelum ini meluangkan banyak waktu

**SISTEM SCMS** juga

dihubungkan dengan internet bagi membolehkan pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan yang terlibat dalam pencegahan jenayah mempunyai akses kepada maklumat yang diperlukan.

Selain itu, semua PBT juga boleh mengemaskini perkembangan dan kejayaan langkah pencegahan jenayah di kawasan masing-masing secara dalam talian.

KPKT akan meneruskan langkah selanjutnya dengan memantau keberkesanan dan pelaksanaan program ini bagi memastikan usaha untuk mengurangkan jenayah di bawah GTP mencapai keputusan yang diingini.

"Ini adalah selari dengan semangat GTP sendiri iaitu usaha mencegah jenayah adalah usaha bersama dan tiada agensi tunggal yang perlu menanganinya secara keseluruhan," kata Kamalruddin.

Kedudukan Malaysia dalam senarai negara paling selamat di dunia guna meningkat sejak 2009.

## Kedudukan Malaysia dalam Indeks Keamanan Global (GPI)

### 2009

- Tempat ketiga dalam senarai negara paling selamat di Asia selepas Jepun dan Singapura
- Tempat ke-26 daripada 144 negara seluruh dunia

### 2010

- Tempat kedua dalam senarai negara paling selamat di Asia, mengatasi Singapura
- Tempat ke-22 daripada 144 negara seluruh dunia.

"Kami yakin kedudukan ini akan bertambah baik bagi 2011 dan usaha membanteras jenayah akan diteruskan secara kekal dan tetap sehingga negara ini berjaya menghentikan jenayah jalanan," katanya.